

SOALAN NO. 331

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan Taska OKU, jumlah budak-budak, pengasuh serta kos pembinaan dan mengurus.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan sebanyak 6 buah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Orang Kurang Upaya (OKU) bagi 6 kategori iaitu bagi golongan OKU sindrom down, OKU autisme, OKU penglihatan, OKU pendengaran, OKU fizikal dan OKU bermasalah pembelajaran.

Senarai TASKA OKU yang sedang beroperasi berserta jumlah kanak-kanak dan pengasuh adalah seperti berikut :-

- i. TASKA ANISD bagi kategori OKU sindrom down di Putrajaya. Dikendalikan oleh Persatuan Sindrom Down Malaysia dengan bilangan kanak-kanak OKU sindrom down seramai 20 orang dengan seorang penyelia dan 5 orang pengasuh;
- ii. TASKA Semangat Maju Ipoh bagi kategori OKU masalah pembelajaran di Ipoh, Perak. Dikendalikan oleh Persatuan Untuk

Insan Bermasalah Intelek Perak dengan bilangan kanak-kanak seramai 5 orang dengan seorang penyelia dan 2 orang pengasuh;

- iii. TASKA Istika Jaya bagi kategori OKU pendengaran di Puchong, Selangor. Dikendalikan oleh Persatuan Orang Pekak Malaysia dengan bilangan kanak-kanak seramai 11 orang dengan seorang penyelia dan 2 orang pengasuh;
- iv. TASKA Mesra Cheshire bagi kategori OKU fizikal di Likas, Sabah. Dikendalikan oleh Persatuan Rumah Amal Chesire dengan bilangan kanak-kanak seramai 16 orang dengan seorang penyelia dan 6 orang pengasuh;
- v. TASKA Autism Sibul bagi kategori autisme di Sibul, Sarawak. Dikendalikan oleh Persatuan Autism Sibul dengan bilangan kanak-kanak seramai 25 orang dengan seorang penyelia dan 7 orang pengasuh; dan
- vi. TASKA St. Nicholas bagi Kategori OKU penglihatan di Pulau Pinang. Dikendalikan oleh St. Nicholas Home Pulau Pinang dengan bilangan

kanak-kanak seramai 4 orang dengan seorang penyelia dan 2 orang pengasuh.

Kos pembinaan telah disalurkan kepada pengusaha TASKA tersebut dalam bentuk **Geran Penubuhan** secara sekali gus (*one-off*) sebanyak RM350,000.00. Manakala kos mengurus disalurkan dalam bentuk **Geran Operasi** dengan jumlah maksimum sebanyak RM240,000.00 setahun.